



GARIS PANDUAN

PEMASANGAN PAPAN IKLAN

PREMIS PERNIAGAAN

DI SEBERANG PERAI

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Menara Bandaraya, Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 BUKIT MERTAJAM

KANDUNGAN

BIL PERKARA	MUKA SURAT
1. Tujuan	3
2. Latar Belakang	3
3. Definisi Papan Iklan	3
4. Undang-undang Dan Peraturan / Garis Panduan yang Diguna pakai	4
5. Prinsip Papan Iklan	4
6. Jenis-jenis Papan Iklan Perniagaan	5
7. Spesifikasi Papan Iklan yang Dibenarkan	8
7.1 Premis Perniagaan Berbentuk Teres (Tidak Bernilai Warisan)	8
7.2 Premis Perniagaan Berbentuk Sesbuah(Tidak Bernilai Warisan)	19
7.3 Premis Perniagaan Bernilai Warisan	27
7.4 Premis Perniagaan (Rumah Kediaman) - Taska, Tadika, Pusat Perkembangan Minda dan Pusat Jagaan	31
7.5 Papan Iklan Nama Bangunan	34
7.6 Premis Perniagaan Bagi Aktiviti Perniagaan Tertentu	35



1.0 TUJUAN

Garis panduan ini diwujudkan bagi membantu pemilik perniagaan di kawasan Seberang Perai berhubung pemasangan papan iklan premis perniagaan serta kawalan yang dikuatkuasakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai supaya pemasangan papan iklan menepati undang-undang dan peraturan serta selamat kepada orang awam dan teratur.

2.0 LATAR BELAKANG

Papan iklan merupakan satu bentuk pengiklanan yang digunakan oleh pemilik atau pengusaha perniagaan sebagai medium untuk memaklumkan serta mempromosikan aktiviti perniagaan yang sedang dijalankan kepada orang awam. Papan iklan direka bentuk mengikut cita rasa dan trend yang mampu menarik perhatian orang awam dan seterusnya memastikan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan menjadi pilihan orang awam.

Selari dengan perkembangan teknologi masa kini, papan iklan turut mengalami revolusi yang pantas demi mencapai matlamat pemilik atau pengusaha perniagaan. Pelbagai jenis dan konsep papan iklan dipasang di pusat-pusat perniagaan yang memerlukan satu bentuk kawalan supaya papan iklan tersebut menepati kehendak undang-undang dan peraturan semasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Oleh yang demikian, garis panduan ini meliputi aspek pengisian papan iklan, keselamatan papan iklan dan keselesaan papan iklan kepada orang awam, saiz papan, imej warisan, dan lain-lain.

3.0 DEFINISI PAPAN IKLAN

Mengikut Undang-Undang Kecil (Iklan), Majlis Perbandaran Seberang Perai 2001, iklan didefinisikan sebagai,

“apa-apa pemberitahuan, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan bagi maksud memberitahu orang awam mengenai apa-apa barang, keluaran, pengeluaran, tred, perniagaan, profesion, firma, perbadanan, organisasi, institusi, tempat, premis, peristiwa, aktiviti atau apa-apa perkara atau maklumat lain, di atas apa-apa papan dendeng, menara setiang, papan, bumbung, dinding, pagar berpancang, pagar pokok, rangka, plat, kain, bar, tiang, tonggak, dawai, salutan atau mana-mana struktur atau perekaan lain, atau mana-mana bahagiannya, di atas, atau di atas mana-mana tanah dan termasuklah iklan langit, poster, iklan arahan dan papan nama tetapi tidaklah termasuk suatu iklan pilihanraya”

Sehubungan dengan itu, garis panduan ini menetapkan papan iklan sebagai satu papan iklan yang dipamerkan untuk pemberitahuan mengenai aktiviti perniagaan yang dijalankan, nama syarikat berdaftar dan nombor pendaftaran syarikat serta logo perniagaan bagi premis perniagaan tersebut.

4.0 UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN / GARIS PANDUAN YANG DIGUNAKAN

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan peruntukan undang-undang dan peraturan / garis panduan berikut :

- i. Akta Kerajaan Tempatan 1976
- ii. Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen, Majlis Perbandaran Seberang Perai 1980
- iii. Undang-Undang Kecil (Iklan), Majlis Perbandaran Seberang Perai 2001
- iv. Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Premis Perniagaan, 2018 yang dikeluarkan oleh PLAN Malaysia.
- v. Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984
- vi. Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012
- vii. Akta Pusat Jagaan 1993
- viii. Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994
- ix. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986

5.0 PRINSIP PAPAN IKLAN

Papan iklan yang dibenarkan dipasang di premis perniagaan di Seberang Perai hendaklah menepati prinsip-prinsip yang berikut :

1. Selamat

Papan iklan yang dipasang hendaklah menepati ciri-ciri keselamatan dan tidak menyebabkan bahaya atau ancaman kepada mana-mana orang dan harta benda yang berada berdekatan papan iklan.

Bagi papan iklan jenis LED, warna dan saiz cahaya papan iklan perlulah tidak mengganggu penglihatan pemandu / orang awam.

Papan iklan juga perlulah dipasang dengan kemas dan tidak dibenarkan menghalang atau melindungi tingkap bangunan atau ekzos asap secara keseluruhan.



2. Penggunaan Bahasa & Tulisan

Setiap papan iklah hendaklah mengutamakan bahasa Malaysia dalam penyediaan iklan. Ayat dan perkataan bahasa Malaysia yang digunakan perlulah jelas dan tepat serta tidak mengandungi bahasa-bahasa kesat atau mempunyai sentimen perkauman.

Walau bagaimanapun, bahasa-bahasa lain juga dibenarkan digunakan secara bersama-sama dengan bahasa Malaysia tetapi saiz perkataan perlulah lebih kecil dan jumlah perkataan tidak melebihi daripada bahasa Malaysia. Bahasa-bahasa lain yang dibenarkan adalah :

- i. Bahasa Cina
- ii. Bahasa Tamil
- iii. Bahasa Inggeris
- iv. Bahasa-bahasa lain yang dibenarkan / diluluskan oleh MBSP

Di samping itu, MBSP juga membenarkan penggunaan tulisan jawi bagi menggantikan tulisan bahasa Malaysia.

3. Memelihara Nilai Warisan

Pemasangan papan iklan tidak dibenarkan menutup *facade* bangunan warisan bagi memastikan nilai seni bina bangunan serta nilai sejarah tidak terlindung daripada pandangan orang awam.

4. Paparan dan Penulisan Boleh Diterima oleh Masyarakat

Setiap papan iklan yang dipamerkan hendaklah tidak memaparkan imej yang mencolok mata, seksi, lucah dan menimbulkan isu berkaitan sensitiviti masyarakat.

5. Lain-lain

Papan iklan hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan serta garis panduan yang sedang dikuatkuasakan di peringkat Persekutuan, Negeri dan PBT.

6.0 JENIS-JENIS PAPAN IKLAN PERNIAGAAN

6.1 PAPAN IKLAN MELINTANG

Papan iklan melintang ialah papan iklan yang dipasang pada dinding bangunan secara melintang.



Gambar 1 : Contoh Papan Iklan Melintang



6.2 PAPAN IKLAN MENGUNJUR

Papan iklan mengunjur ialah papan iklan yang dipasang secara mengunjur keluar dari dinding bangunan.

Gambar 2 : Contoh Papan Iklan Mengunjur



6.3 PAPAN IKLAN DI ATAS BUMBUNG

Papan iklan yang diletakkan atau dipasang di atas bumbung atau sebahagian besar papan iklan tidak dilekatkan pada dinding.



Gambar 3 : Contoh Papan Iklan di Atas Bumbung

6.4 PAPAN IKLAN TUNJUK ARAH

Papan iklan yang diletakkan atau dipasang di bahu jalan atau mana-mana tempat bagi menunjukkan arah lokasi premis sesebuah perniagaan.



Gambar 3 : Contoh Papan Iklan Tunjuk Arah



6.5 PAPAN IKLAN LED

Papan iklan elektronik yang menggunakan lampu LED dan pendawaian elektrik bagi mempamerkan iklan.




Gambar 4 : Contoh Papan Iklan LED

7.0 SPESIFIKASI PAPAN IKLAN YANG DIBENARKAN


7.1 Premis Perniagaan Berbentuk Teres (Tidak Bernilai Warisan)

Bil.	Aspek	Garis Panduan
1.	Jenis dan saiz papan iklan	<ul style="list-style-type: none"> i. Saiz papan iklan jenis melintang yang dibenarkan perlu mengikut saiz kelebaran unit premis dengan ketinggian maksimum 4 kaki (1.22 meter). ii. Ruang kelegaan pemasangan papan iklan jenis mengunjur hendaklah tidak boleh melebihi ketinggian 4.26 meter dari lorong jalan. Kelebaran papan iklan mengunjur mendatar tidak melebihi 1 meter dari garisan sempadan jalan dan sesuai dengan reka bentuk bangunan serta perlu harmoni dengan papan iklan melintang. iii. Kain rentang tidak dibenarkan dijadikan papan iklan premis perniagaan secara kekal.





Rajah 1: Contoh papan iklan melintang bagi kedai berkelebaran 20'(6m)



Rajah 2 : Contoh Papan Iklan Mengunjur




Gambar 1:
Contoh reka bentuk papan iklan yang harmoni antara papan iklan melintang dengan papan iklan tegak dua muka.



Gambar 2 :
Papan iklan yang menggunakan kain rentang adalah tidak dibenarkan.

Bil.	Aspek	Garis Panduan
2.	Lokasi pemasangan	<p>a. Papan Iklan Melintang</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Hanya dibenarkan dipasang di <i>beam</i> bangunan premis perniagaan yang dikhaskan untuk peletakan papan iklan. ii. Peletakan papan iklan perlu menyediakan ruang 0.5 kaki pada kiri dan kanan premis. iii. Tidak menutup keseluruhan cermin, tingkap dan <i>facade</i> bangunan. iv. Papan iklan yang dipasang tidak dibenarkan melebihi aras bumbung premis.



Gambar 3:
Contoh peletakan yang sesuai
untuk papan iklan.



Gambar 4:
Contoh papan iklan yang dipasang melebihi daripada
aras bumbung adalah tidak dibenarkan.



Bil.	Aspek	Garis Panduan
		<p>b. Papan Iklan Mengunjur</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Papan iklan mengunjur hanya dibenarkan dipasang di aras 2 dan ke atas bangunan premis perniagaan. Tidak dibenarkan bagi premis satu tingkat. ii. Peletakannya perlu berjarak minimum 2.6 meter dari paras jalan. iii. Penyediaan papan iklan mengunjur hendaklah tidak melindungi pandangan atau menghalang laluan.



Gambar 5 :
Peletakan papan iklan mengunjur perlu berjarak minimum 8.5 kaki (2.6 meter) dari paras jalan.




Gambar 6:
Contoh pemasangan papan iklan yang menghalang laluan pejalan kaki adalah tidak dibenarkan.



Bil.	Aspek	Garis Panduan
3.	Kandungan dan visual paparan	<ul style="list-style-type: none"> i. Tulisan atau grafik perlu seimbang dan bersesuaian dan tidak melebihi 2/3 daripada ketinggian papan iklan. ii. Papan iklan perlu mengandungi nama syarikat atau firma perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). iii. Aktiviti perniagaan hendaklah dinyatakan dalam bahasa Malaysia dan dinyatakan dengan jelas dan mudah dibaca di bahagian atas sebelah kiri papan iklan. iv. Sekiranya menggunakan jenama sebagai keutamaan di papan iklan, nama syarikat dan nombor pendaftaran SSM perlu diletakkan di bahagian bawah sebelah kiri papan iklan. v. Saiz tulisan jenama keutamaan hendaklah lebih dominan daripada saiz tulisan aktiviti perniagaan. vi. Nombor rujukan lesen perniagaan MBSP hendaklah dipaparkan di bahagian bawah sebelah kanan papan iklan.


Gambar 3 :

3.1 Contoh kandungan dan visual papan iklan yang menggunakan jenama keutamaan sebagai iklan utama



Gambar 3 :

3.2 Contoh kandungan dan visual papan iklan yang menggunakan nama syarikat sebagai iklan utama



Gambar 7 :

Contoh kandungan visual papan iklan yang jelas

Bil.	Aspek	Garis Panduan
4.	Bahasa	<ul style="list-style-type: none"> i. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan dalam semua jenama keutamaan di papan iklan sama ada secara sendiri atau bersama-sama dengan bahasa-bahasa lain kecuali bagi jenama khas perniagaan. (Contohnya, TOSHIBA, SAMSUNG) ii. Bagi penggunaan bahasa lain, ketinggian tulisan adalah tidak melebihi $\frac{3}{4}$ daripada ketinggian tulisan bahasa Malaysia. iii. Bahasa Malaysia dan bahasa lain hendaklah betul dari segi penggunaan iklan baca, perkataan, ejaan dan tatabahasa. iv. Penggunaan bahasa Malaysia yang betul hendaklah mendapat pengesahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).



Gambar 8 :
Kesalahan ejaan pada papan iklan adalah tidak dibenarkan



Gambar 9 :
Contoh penggunaan campuran bahasa di papan iklan yang tidak dibenarkan.



Gambar 10: (i)

Gambar 10 (i) dan (ii):
Contoh penggunaan bahasa pada papan iklan.



Gambar 10: (ii)



Bil.	Aspek	Garis Panduan
5.	Bahan binaan	Bahan binaan papan iklan hendaklah daripada jenis yang tidak boleh memantulkan cahaya dan tidak mengganggu tumpuan penggunaan jalan dan orang awam pada waktu siang dan malam.



Gambar 11: (i)



Gambar 11: (ii)

Gambar 11 (i) dan (ii):

Antara bahan binaan yang digunakan untuk papan iklan termasuklah zink, plastik dan aluminium.

Bil.	Aspek	Garis Panduan
6.	Pencahayaan	Pencahayaan pada waktu malam perlu dikawal agar tidak mendarangkan kacau ganggu atau silau kepada pengguna jalan dan orang awam.



Foto 12: (i)



Foto 12: (ii)

Gambar 12 (i) dan (ii):

Pencahayaan papan iklan pada waktu malam yang tidak mendarangkan silau dan kacau ganggu kepada orang awam.



Bil.	Aspek	Garis Panduan
7.	Iklan	<p>a. Iklan di Atas Papan Iklan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Penggunaan <i>trade mark</i>, logo, <i>tag-line</i>, slogan yang sesuai adalah dibenarkan dan tidak perlu diterjemahkan kepada bahasa Malaysia. ii. Saiz tulisan perlulah kecil iaitu dengan ketinggian maksimum 3/4 daripada tulisan paparan jenama.



Foto 13: (i)



Foto 13: (ii)

Foto 13 (i) dan (ii) :

Logo boleh digunakan di papan iklan untuk memberikan informasi mengenai jenis perkhidmatan yang disediakan di premis tersebut.



Bil.	Aspek	Garis Panduan
		<p>b. Papan Iklan Luar</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Iklan dinding dan iklan yang melebihi aras bumbung serta menutupi <i>facade</i> bangunan adalah tidak dibenarkan. ii. Iklan kain rentang atau poster yang bersifat sementara adalah dibenarkan menutup bukaan kepada bangunan sekiranya kemasukan cahaya dan pengudaraan semulajadi sekurang-kurangnya 30% daripada bukaan asal.



Gambar 14 :
Papan iklan yang dipasang sehingga menutupi *facade* bangunan dan melebihi aras bumbung adalah tidak dibenarkan.



G
Gambar 15:
Penggunaan kain rentang sebagai iklan untuk mempromosikan barang jualan dibenarkan tetapi tidak secara kekal.



Gambar 16 :
Papan iklan yang menutupi *facade* bangunan adalah tidak dibenarkan



Bil.	Aspek	Garis Panduan
8.	Larangan visual	<ul style="list-style-type: none"> i. Tidak dibenarkan memaparkan maklumat dan iklan, rokok, gambar yang mencolok mata, serta tatakelakuan kurang sopan atau lucuah. ii. Tidak dibenarkan sebarang <i>trade mark</i>, logo, slogan (<i>tag-line</i>) yang kurang sopan dan mempunyai tujuan negatif.



Gambar 17 :
Papan iklan yang memaparkan imej yang tidak sopan adalah tidak dibenarkan.

Bil.	Aspek	Garis Panduan
9.	Perlindungan insurans	<ul style="list-style-type: none"> i. Papan iklan kekal bersaiz panjang dan besar perlu memiliki Insurans Perlindungan Awam (Public Liability). Saiz papan iklan yang terlibat adalah : <ul style="list-style-type: none"> a. Papan iklan yang dipasang secara bersambungan pada dua (2) atau lebih lot premis. b. Papan iklan yang dipasang secara bersambungan melibatkan dua (2) atau lebih aras premis. c. Lain-lain saiz yang ditentukan oleh MBSP. ii. Kekukuh struktur papan iklan hendaklah disahkan oleh Jurutera Awam atau Jurutera Struktur Berdaftar selama tempoh lesen papan iklan.





Foto 18: (i)




Foto 18: (ii)

Foto 18 (i) dan (ii) :

Pemasangan papan iklan pada dua lot premis perniagaan perlu mendapatkan perlindungan insurans dan disahkan oleh profesional.

7.2 Premis Perniagaan Berbentuk Sesebuah (Tidak Bernilai Warisan)

Bil.	Aspek	Garis Panduan
1.	Jenis dan saiz papan iklan	<ul style="list-style-type: none"> i. Saiz papan iklan jenis melintang dan mengunjur yang disediakan perlu mengikut kesesuaian reka bentuk bangunan. ii. Kain rentang tidak dibenarkan dijadikan papan iklan premis perniagaan secara kekal.



Gambar 19 :
Contoh papan iklan yang digunakan pada




Gambar 20 :
Kain rentang tidak dibenarkan dijadikan sebagai papan iklan secara kekal untuk sesebuah premis perniagaan.



bangunan sesebuah premis perniagaan.

Bil.	Aspek	Garis Panduan
2.	Lokasi pemasangan	<p>a. Papan Iklan Melintang</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Peletakan papan iklan hendaklah tidak menutup cermin, tingkap dan façade bangunan. ii. Papan iklan yang dipasang tidak dibenarkan melebihi aras bumbung premis. <p>b. Papan Iklan Melintang</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Peletakan papan iklan hendaklah tidak melebihi aras bumbung premis.



Gambar 21:

Contoh papan iklan melintang yang dipasang pada bangunan perniagaan sesebuah.



Bil.	Aspek	Garis Panduan
3.	Kandungan dan visual paparan	
4.	Bahasa	Sama seperti garis panduan bagi premis perniagaan berbentuk teres (tidak bernilai warisan).
5.	Bahan binaan	
6.	Pencahayaan	



Gambar 22: (i)



Gambar 22: (ii)



Gambar 22: (iii)



Gambar 22: (iv)




Gambar 22: (v)

Gambar 22 (i) hingga ke (v):

Contoh kandungan bahasa, bahan binaan dan pencahayaan yang sesuai di papan iklan premis perniagaan berbentuk sesebuah tidak bernilai warisan.

Bil.	Aspek	Garis Panduan
7.	Iklan	<p>a. Iklan di Atas Papan Iklan</p> <p>Sama seperti garis panduan bagi premis perniagaan berbentuk teres (tidak bernilai warisan)</p> <p>b. Papan Iklan Luar</p> <p>Keutamaan kawalan adalah kepada kandungan iklan dan pencahayaan supaya selaras dengan matlamat mempertingkatkan keceriaan bandar dan pencahayaan pada waktu malam.</p> <p>i. Iklan Dinding</p> <ul style="list-style-type: none"> • Iklan dinding hanya dibenarkan pada dinding premis perniagaan yang tidak mempunyai permukaan terbuka seperti tingkap, pintu, balkoni, lubang pengudaraan semulajadi atau mekanikal. • Keluasan maksimum iklan yang dibenarkan ialah 90% daripada keluasan dinding dan tidak dibenarkan terkeluar atau terlebih daripada perimeter dinding bangunan. • Peletakan iklan yang seimbang pada dinding bangunan. • Iklan hendaklah dipasang pada struktur kerangka yang diunjurkan keluar tidak melebihi 1.5 meter (5kaki) dari dinding dan perlu mendapat pengesahan daripada jurutera profesional. • Kandungan iklan hendaklah ringkas dan menarik dan tidak mengganggu penumpuan pemandu kenderaan. Kandungan grafik seboleh-bolehnya 85% dan teks 15%. • Tidak dibenarkan di kawasan <i>traffic hazard</i> terutamanya di selekoh berbahaya.





Gambar 23 :

Iklan yang dipasang pada permukaan bangunan yang tidak mempunyai permukaan terbuka.

Gambar 24 :



Gambar 25 :

Paparan visual pada papan iklan yang jelas dan tidak mengganggu penumpuan pemandu.



Bil.	Aspek	Garis Panduan
		<p>ii. Iklan Bumbung</p> <p>Iklan bumbung tidak dibenarkan.</p> <p>iii. <i>Building Wrap</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Iklan pada <i>facade</i> bangunan hendaklah mematuhi keperluan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984: <ul style="list-style-type: none"> • Bahan yang digunakan perlu memastikan 30% kemasukan cahaya dan udara semulajadi; dan • Tidak menghadkan bukaan pada bangunan bagi laluan semasa kecemasan dan tidak menghadkan pandangan luar. - Kandungan iklan hendaklah ringkas dan menarik serta tidak mengganggu penumpuan pemandu kenderaan. Kandungan grafik seboleh-bolehnya 85% dan teks 15%. - Tidak dibenarkan di kawasan <i>traffic hazard</i> terutamanya selekoh di berbahaya. <p>iv. Iklan Kain Rentang</p> <p>Iklan kain rentang dan poster yang bersifat sementara dibenarkan menutup bukaan kepada bangunan sekiranya kemasukan cahaya dan pengudaraan semulajadi sekurang-kurangnya 30% daripada bukaan asal.</p>





Gambar 26 :

Papan iklan yang dipasang pada atas bumbung hanya dibenarkan pada bangunan yang telah mempunyai struktur khas bagi tujuan menampung papan iklan.



Gambar 27 :

Papan iklan jenis menutupi bangunan hendaklah memastikan 30% kemasukan cahaya dan udara semulajadi.



Gambar 28 :

Kandungan iklan yang jelas dan tidak mengganggu perhatian pemandu kenderaan.



Gambar 29 :

Papan iklan kain rentang yang dibenarkan secara sementara di bangunan premis perniagaan sesebuah.



Bil.	Aspek	Garis Panduan
8.	Larangan visual	Sama seperti garis panduan bagi premis perniagaan berbentuk teres (tidak bernilai warisan)
9.	Perlindungan insurans	<ul style="list-style-type: none"> i. Papan iklan kekal bersaiz panjang dan besar perlu memiliki Insurans Perlindungan Awam (Public Liability). ii. Kekukuh struktur papan iklan hendaklah disahkan oleh Jurutera Awam atau Jurutera Struktur Berdaftar selama tempoh sah lesen papan iklan.



Gambar 30 : (i)



Gambar 30 : (ii)

Gambar 30 (i) & (ii) :
Papan iklan yang besar dan panjang perlu mendapat pengesahan oleh pihak yang berkaitan.



7.3 Premis Perniagaan Bernilai Warisan

Bil.	Aspek	Garis Panduan
1.	Rekabentuk papan iklan / iklan nama	<ul style="list-style-type: none"> i. Papan iklan/iklan nama jenis ukiran adalah sangat digalakkan. ii. Papan iklan hendaklah mempunyai karakter yang selaras dengan ciri-ciri keseluruhan kawasan. iii. Pemilik bangunan tidak dibenarkan menanggalkan elemen tahun atau tarikh asal yang diukir pada bangunan warisan tersebut. iv. Pemasangan papan iklan yang seragam dari segi saiz mengikut lokasi dan kelompok bangunan boleh ditentukan oleh PBT. v. Bagi premis yang telah diisyiharkan sebagai tapak warisan, rekabentuk papan iklan/iklan nama hendaklah merujuk Pelan Induk Kawasan Warisan yang berkaitan dan mendapatkan nasihat daripada Jawatankuasa Warisan di peringkat MBSP.



Foto 31: (i)



Foto 31: (ii)

Foto 31 (i) dan (ii) :

Contoh penggunaan papan iklan yang seragam mengikut kelompok atau zon tapak warisan yang ditentukan oleh pihak berkuasa.



Bil.	Aspek	Garis Panduan
2.	Lokasi perletakan	<ul style="list-style-type: none"> i. Keutamaan pemasangan papan iklan/iklan nama hendaklah di kawasan iklan nama asal bangunan dan tidak dibenarkan menutup karakter seni bina bangunan. ii. Lokasi hendaklah tidak menutup cermin, tingkap dan <i>façade</i> bangunan. iii. Papan iklan yang dipasang tidak dibenarkan melebihi aras bumbung premis. iv. Penyediaan papan iklan mengunjur hendaklah tidak melindungi pandangan atau menghalang laluan pejalan kaki. v. Bagi premis yang telah diisyiharkan sebagai tapak warisan, lokasi peletakan papan iklan/iklan nama hendaklah merujuk Pelan Induk Kawasan Warisan yang berkaitan dan mendapatkan nasihat daripada Jawatankuasa Warisan di peringkat MBSP.



Gambar 32 :
Papan iklan nama syarikat dalam bentuk ukiran pada dinding.



Gambar 33 :
Pemasangan papan iklan yang tidak menutup *facade* bangunan.

Bil.	Aspek	Garis Panduan
3.	Kandungan dan visual paparan	<ul style="list-style-type: none"> i. Sama seperti garis panduan bagi premis perniagaan berbentuk teres dan sesebuah (tidak bernilai warisan). ii. Bagi premis yang telah diisyiharkan sebagai tapak warisan, kandungan dan visual paparan papan iklan hendaklah merujuk Pelan Induk Kawasan Warisan yang berkaitan dan mendapatkan nasihat daripada Jawatankuasa Warisan di peringkat MBSP.



Gambar 34 :
Kandungan visual papan iklan yang jelas dan tidak mengelirukan bagi menerangkan jenis perniagaan yang dijalankan.




Gambar 35 :
Jenis perniagaan yang dipaparkan jelas dan mudah difahami oleh orang awam.

Bil.	Aspek	Garis Panduan
4.	G a Bahasa, Bahan Binaan, Pencahayaan dan Iklan	<ul style="list-style-type: none"> i. Sama seperti garis panduan bagi premis perniagaan berbentuk teres dan sesebuah (tidak bernilai warisan). ii. Bagi premis yang telah diisyiharkan sebagai tapak warisan, garis panduan hendaklah merujuk Pelan Induk Kawasan Warisan yang berkaitan dan mendapatkan nasihat daripada Jawatankuasa Warisan di peringkat MBSP.



Gambar 36: (i)



Gambar 36: (ii)



Gambar 36: (ii)

Gambar 36 (i), (ii) dan (iii) :

Contoh peletakan papan iklan di premis perniagaan bernilai warisan.

7.4 PREMIS PERNIAGAAN (RUMAH KEDIAMAN) - TASKA, TADIKA, PUSAT PERKEMBANGAN MINDA & PUSAT JAGAAN

Bil.	Aspek	Garis Panduan
1.	Jenis dan saiz papan iklan	<ul style="list-style-type: none"> i. Saiz papan iklan jenis melintang hendaklah bersesuaian dengan kelebaran premis. ii. Kain rentang tidak dibenarkan dijadikan papan iklan premis perniagaan secara kekal.



Gambar 37 (i)




Gambar 37 (ii)

Gambar 37 (i) & (ii) :

Contoh peletakan papan iklan di premis perniagaan TADIKA / TASKA dan Pusat Jagaan

Bil.	Aspek	Garis Panduan
2.	Lokasi pemasangan	<ul style="list-style-type: none"> i. Papan iklan hendaklah diletakkan di dalam kawasan premis yang mudah dilihat sahaja. ii. Tidak dibenarkan meletakkan papan iklan di atas bahu jalan atau tempat awam. iii. Tidak menutup keseluruhan cermin, tingkap dan facade bangunan. iv. Papan iklan yang dipasang tidak dibenarkan melebihi aras bumbung premis.





Gambar 38 (i)



Gambar 38 (ii)



Gambar 38 (iii)

Gambar 38 (i), (ii) dan (iii) :
Contoh peletakan papan iklan di premis perniagaan TASKA / TADIKA dan Pusat Jagaan



Gambar 38 (i)



Gambar 38 (ii)



Gambar 38 (iii)




Bil.	Aspek	Garis Panduan
3.	Kandungan dan visual paparan	<ul style="list-style-type: none"> i. Tulisan atau grafik/logo hendaklah jelas dan terang. ii. Papan iklan perlu mengandungi nama TASKA atau Pusat Jagaan yang berdaftar Jabatan Kebajikan Masyarakat. iii. Papan iklan perlu mengandungi nama TADIKA atau Pusat Perkembangan Minda yang berdaftar Jabatan Pendidikan. Jenama keutamaan boleh diiklankan di papan iklan tetapi harus saiz tulisan jenama keutamaan hendaklah lebih kecil daripada nama TADIKA atau Pusat Perkembangan Minda yang berdaftar. iv. Alamat lengkap premis, nombor telefon dan nombor perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi TASKA atau Pusat Jagaan hendaklah dipaparkan di bahagian bawah nama TASKA atau Pusat Jagaan. v. Alamat lengkap premis, nombor telefon dan nombor perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan bagi TADIKA atau Pusat Perkembangan Minda hendaklah dipaparkan di bahagian bawah nama TADIKA atau Pusat Perkembangan Minda. vi. Saiz nama TASKA, TADIKA, Pusat Perkembangan Minda atau Pusat Jagaan hendaklah lebih besar daripada alamat premis dan nombor telefon. vii. Nombor pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) / Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) hendaklah dipaparkan di bahagian bawah sebelah kiri papan iklan. viii. Nombor rujukan lesen perniagaan MBSP hendaklah dipaparkan di bahagian bawah sebelah kanan papan iklan.




Rajah 4 :

4.1 Contoh kandungan dan visual papan iklan TASKA atau Pusat Jagaan



4.2 Contoh kandungan dan visual papan iklan TADIKA atau Pusat Perkembangan Minda



7.5 PAPAN IKLAN NAMA BANGUNAN

Bil.	Aspek	Garis Panduan
1.	Jenis, saiz dan lokasi papan iklan	<ul style="list-style-type: none"> i. Saiz dan lokasi perletakan papan iklan hendaklah mengikut kelulusan Pelan Kebenaran Merancang. ii. Papan iklan ini tidak perlu dilesenkan oleh MBSP. iii. Kain rentang tidak dibenarkan dijadikan papan iklan nama bangunan secara kekal.

Bil.	Aspek	Garis Panduan
2.	Kandungan dan visual paparan	<ul style="list-style-type: none"> i. Tulisan atau grafik / logo hendaklah jelas dan terang. ii. Kandungan papan iklan hendaklah mengikut kelulusan nama bangunan / taman dan jalan yang diluluskan oleh Jawatankuasa OSC.



7.6 PREMIS PERNIAGAAN BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN TERTENTU

Spesifikasi papan iklan tertakluk pada keperluan dan kehendak yang ditetapkan oleh Kementerian atau agensi pengeluar lesen berkaitan selain lesen yang dikeluarkan oleh MBSP seperti Lesen Peminjam Wang Berlesen dan Pajak Gadai Berlesen.

- a. **Peminjam Wang Berlesen**
- b.



Gambar 39 :

Contoh Papan Iklan Pemberi Pinjam Wang (PPW)

- b. **Pemegang Pajak Gadai Berlesen**



Gambar 40 :

Contoh Papan Iklan Pemegang Pajak Gadai (PPG)





Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

**Jabatan Pelesenan
Majlis Bandaraya Seberang Perai**

Menara Bandaraya
Jalan Perda Utama
Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam

Tel: 04-5497 680
pelesenan@mbsp.gov.my

Majlis Bandaraya Seberang Perai
Menara Bandaraya, Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam

